

## Makna Perkahwinan Daripada Perspektif Wanita Cina Yang Melewatkkan Perkahwinan

*The Meaning of Marriage Among Chinese Women Who Delayed Marriage*

Goh Wei Sing

<sup>1</sup>Azlina Abdullah

Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutuan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>azlina\_ab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Dalam masyarakat tradisional, perkahwinan dilihat sebagai elemen yang penting dalam sosialisasi masyarakat melalui pembentukan hubungan antara dua keluarga selain mengukuhkan tali persaudaraan. Bagi masyarakat Cina, perkahwinan adalah perkara yang amat penting dalam kehidupan kaum Cina mahupun keluarganya kerana institusi ini memberikan kebenaran untuk menyambung zuriat nenek moyangnya serta memulakan zuriat sendiri. Makalah ini bertujuan untuk membincangkan makna perkahwinan dari perspektif wanita Cina yang melewatkkan perkahwinan di Pulau Pinang. Informan kajian terdiri daripada enam orang wanita Cina yang berumur 30 tahun ke atas, dan belum pernah berkahwin. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapat maklumat daripada wanita yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa makna perkahwinan dalam kalangan wanita Cina yang melewatkkan perkahwinan adalah (i) mendapat teman hidup; (ii) dua orang menjalankan kehidupan bersama; (iii) tanggungjawab; dan (iv) meneruskan keturunan keluarga. Majoriti daripada informan kajian telah menyatakan makna perkahwinan adalah mendapat teman hidup. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa kepentingan dan keperluan perkahwinan yang ditekankan dalam masyarakat Cina telah berubah, wanita Cina masa kinimerasakan bahawa mereka tidak semestinya perlu berkahwin walaupun mencapai usia yang tertentu.

**Kata Kunci:** Wanita, kahwin lewat, makna perkahwinan

### ABSTRACT

*In traditional society, marriage is seen as an important element in the socialization of society through the formation of relationship between two families in addition to strengthening the bond of brotherhood. For the Chinese community, marriage is a very important thing in the life of the Chinese and their families because this institution gives permission to connect the descendants of their ancestors and start their own descendants. This study aims to describe the meaning of marriage among Chinese women who delayed marriage in Penang. The sample consists of six Chinese women aged thirty and above, and never been married. The samples were selected using purposive sample method. A semi-structured interview was used to obtain information from the women studies. The findings show that the meaning of marriage for the Chinese women who delayed marriage was (i) getting a life partner; (ii) two persons living together; (iii) responsibilities; and (iv) continuation of family lineage. The majority of the informants have stated that meaning of marriage is getting a life partner as a companionship. In addition, the findings also show that the importance and necessity of marriage in Chinese society have changed. Nowadays, Chinese women feel that they do not necessarily need to get married even reaching a certain age.*

**Keywords:** Women, delayed marriage, meaning of marriage

## 1. Pengenalan

Perkahwinan merupakan pembentukan satu ikatan yang sah bagi dua individu yang bersatu sebagai suami isteri dalam membina keluarga yang bahagia (Siti Mizati Mohd Basar, 2009). Dalam masyarakat tradisional, perkahwinan dilihat sebagai elemen yang penting dalam sosialisasi masyarakat melalui pembentukan hubungan antara dua keluarga selain mengukuhkan tali persaudaraan (Fatimah Abdullah, et al., 2010). Dalam masyarakat Cina, perkahwinan adalah perkara yang amat penting dalam kehidupan kaum Cina mahupun keluarganya. Institusi ini memberikan kebenaran untuk menyambung zuriat nenek moyangnya serta memulakan zuriat sendiri. Hal ini telah banyak dipengaruhi oleh Ideologi Konfusius. Dalam pemikiran Konfusianisme, perkahwinan merupakan suatu peristiwa yang amat penting kepada kedua-dua unit keluarga serta masyarakat. Secara sosial, sepasang suami isteri dianggap unit asas masyarakat Cina.

Jika melihat dari sosiobudaya masyarakat Cina, perkahwinan merupakan institusi yang penting dan mempunyai pelbagai adat rumit yang berkaitan dengannya. Dalam masyarakat Cina, perkahwinan merupakan titik tolak yang membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka. Perkahwinan penting untuk mengekalkan institusi keluarga dan melaluinya keturunan nenek moyang dapat diteruskan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Ajaran Konfusianisme yang menjadikan ajaran utama dalam kebanyakkannya keluarga Cina telah menekankan kepentingan peranan suami dan isteri. Konfusianisme berpendapat bahawa fungsi terbesar wanita adalah untuk meneruskan keluarga. Bagi ibu bapa yang beralih ke arah tradisional, mereka lebih suka anak perempuan mereka berkahwin dan bukannya dalam bentuk hubungan alternatif seperti bersekedudukan atau hidup bujang. Ibu bapa juga mempunyai kawalan yang cukup besar terhadap perkahwinan wanita pada masa kini (Zhao, 2008).

Walau bagaimanapun, pemodenan dunia hari ini telah melahirkan trend yang berbeza dalam perkahwinan. Trend kahwin lewat semakin ketara selaras pemodenan dunia dan pembangunan negara berserta kemajuan yang dikehendaki oleh masyarakat pada hari ini (Nurul

Ain Hassan, et al., 2018). Kahwin lewat ini merujuk kepada golongan yang lambat berkahwin iaitu ketika mencapai usia 30 tahun ke atas tanpa pengecualian dari segi agama, angsa mahupun kaum (Nurishah Haji Ahmad, 1990). Berdasarkan Laporan Bancian Penduduk tahun 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat lebih 5.56 juta lelaki dan wanita berusia 30 tahun ke atas masih belum berkahwin di seluruh negara. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, umur purata perkahwinan bagi lelaki pada tahun 2000 adalah 28.6 tahun manakala perempuan adalah 25.1 tahun. Manakala pada tahun 2014, umur purata perkahwinan pertama bagi lelaki adalah 29.3 tahun dan perempuan adalah 26.2 tahun. Tambahan pula, umur minima perkahwinan pertama bagi perempuan kaum Cina adalah paling tinggi berbanding dengan perempuan kaum lain iaitu 27.5 tahun.

Trend kahwin lewat ini telah menjadi satu fenomena yang sangat biasa dalam kalangan Malaysia. Perubahan trend perkahwinan yang berlaku dengan merujuk kepada usia perkahwinan pertama dalam beberapa dekad kebelakangan ini memberi kesan yang tinggi terhadap institusi keluarga (Nurul Ain Hassan, et al., 2018). Mengikut kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), kahwin lewat boleh memberi impak negatif terhadap institusi kekeluargaan kerana ia akan menyebabkan penurunan kadar kesuburan dan merencatkan pembangunan sosio ekonomi negara. Dengan ini, dilema kahwin lewat telah menjadi isu yang sering diambil perhatian oleh kerajaan dan masyarakat Malaysia. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat makna perkahwinan dalam kalangan wanita Cina yang melewatkannya perkahwinan sekiranya perkahwinan merupakan perkara yang sangat penting dan signifikan dalam tradisi masyarakat Cina.

## 2. SOROTAN KARYA

Perkahwinan adalah kesatuan yang disokong secara sosial yang melibatkan dua atau lebih individu dalam apa yang dianggap sebagai perkiraan yang stabil, berkekalan berdasarkan sekurang-kurangnya sebahagiannya pada ikatan seksual sejenis (Ashley Crossman). Bergantung pada masyarakat, perkahwinan mungkin memerlukan kebenaran agama dan/ atau sivil, walaupun sesetengah pasangan mungkin dianggap dengan hanya tinggal bersama selama satu tempoh masa. Walaupun upacara, peraturan, dan pernikahan perkahwinan mungkin berbeza dari satu masyarakat ke masyarakat yang lain, perkahwinan dianggap budaya universal, yang bererti bahawa ia hadir sebagai lembaga sosial di semua budaya (Ashley Crossman).

Perkahwinan telah memainkan beberapa fungsi. Menurut Mc Donald (1985), perkahwinan berfungsi sebagai mekanisma penerus garis keturunan dan ianya juga sebagai saranan perikatan dengan garis keturunan yang lain dan kawalan yang rapi oleh golongan tua bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan keturunan. Bagi A.R. Radcliffe-Brown, perkahwinan adalah satu bentuk hubungan sosial yang khusus yang memberikan pengiktirafan sosial atau taraf keibubapaan kepada anak yang dilahirkan hasil daripada hubungan tersebut. Ferraro (2006) mendefinisikan perkahwinan sebagai rentetan upacara adat yang memberikan pengiktirafan rasmi kepada hubungan antara lelaki dan perempuan dewasa dalam sesebuah keluarga. Ini bermakna perkahwinan menyatukan lelaki dan wanita dewasa, membenarkan mereka mengadakan hubungan seks sebagai suami isteri, dan mengatur hak-hak ekonomi di antara mereka.

Dalam budaya untuk mengekalkan keturunan keluarga serta keluarga dianggap sebagai institusi sosial, perkahwinan merupakan institusi yang penting dan mempunyai pelbagai adat rumit yang berkaitan dengannya. Sejak zaman awal, perkahwinan telah dihargai

dan diraikan dalam budaya Cina. Hal ini juga dapat dilihat dengan pemikiran tradisional Cina. Dalam pemikiran Konfusianisme, perkahwinan merupakan suatu peristiwa yang amat penting kepada kedua-dua unit keluarga serta masyarakat. Secara sosial, sepasang suami isteri dianggap unit asas masyarakat Cina. Tambahan pula, Konfusianisme adalah sebab utama status sosial wanita Cina yang rendah (Mak, 2013). Konfusianisme mensyaratkan wanita mematuhi lelaki, tidak menerima pendidikan, bekerja tanpa gaji, mewarisi keluarga sebagai misi mereka, dan memperhatikan peringatan ini sepanjang hidup mereka (Mak, 2013). Justeru, secara holistiknya, masyarakat Cina lebih mementingkan anak lelaki berbanding dengan anak perempuan ketika melahirkan anak (Yahaya, Azizi, 2012). Kebaikan dan keburukan dalam sesuatu perkahwinan bukan sahaja penting kepada pasangan yang berkenaan, tetapi juga penting kepada setiap anggota keluarga mereka.

Kahwin lewat merujuk kepada golongan yang lambat berkahwin iaitu ketika mencapai usia 30 tahun dan keatas tanpa pengecualian dari segi agama, bangsa maupun kaum (Nurishah Haju Ahmad, 1990). Berkahwin lewat juga menunjukkan peningkatan trend mendorong usia berkahwin ke usia 20-an atau lebih tinggi di kalangan wanita dengan berdasarkan keutamaan dan pilihan peribadi. Sehingga dewasa ini, kahwin lewat menjadi fenomena yang tidak dapat dinafikan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Menurut Ibrahim & Hassan (2009), ternampak ada perubahan sikap wanita terhadap perkahwinan iaitu lebih banyak wanita memilih untuk berbujang sama ada secara sukarela atau tidak. Walaupun pilihan wanita untuk menjadi bujang (New Straits Times, 2011), masyarakat tetap mengharapkan mereka akan berkahwin, dan menimbulkan tekanan psikologi kepada mereka (DePaulo, 2007). Masyarakat juga menganggap status bujang sebagai bertentangan dengan norma (Reynolds & Wetherell, 2003) dan tidak biasa bagi individu untuk tetap bujang (Ibrahim & Hassan, 2009).

Dalam artikel ‘*understanding Sheng Nu (“Leftover Women”): the phenomenon of late marriage among chinese professional women*’ oleh Sandy To (2013) telah menyatakan peningkatan jumlah wanita profesional Cina yang belum berkahwin dan dikenali sebagai fenomena “*Leftover Women*”. Kajian ini menunjukkan “diskriminasi” dan “menguasai” dalam kekangan wanita yang dikeluarkan oleh pasangan lelaki telah mencerminkan kedudukan struktur patriarki Cina, dan ini didapati sebagai faktor wanita menjadi “*leftover*” di pasaran perkahwinan. Kementerian pendidikan China (2007) mengaitkan status wanita yang tidak berkahwin dengan tanggapan wanita sendiri yang terlalu tinggi terhadap calon berkahwin, menyiratkan bahawa wanita itu adalah orang yang harus dipersalahkan atas kecekapan mereka sendiri. Hal ini dapat dinampak dengan jelas budaya patriarki ini tidak mempunyai konsep yang positif untuk menggambarkan wanita kerjaya yang tidak sesuai dengan peranan tradisional. Dengan kata lain, perkahwinan masih merupakan satu perkara yang harus bagi wanita Cina. (Yang 2011).

Selain itu, kajian ini juga membincangkan pemikiran tradisional ibu bapa memberi pengaruh yang kuat dalam pilihan perkahwinan wanita. Berbanding dengan era pra-moden di mana kebanyakkan perkahwinan wanita adalah diatur oleh ibu bapa (Croll, 1981), didapati bahawa ibu bapa Cina pada masa kini masih mempunyai arahan yang kuat terhadap kehidupan perkahwinan wanita. Ramai wanita kerjaya telah menemui masalah campur tangan ibu bapa dalam membuat keputusan seperti keputusan wanita untuk berkahwin atau tidak. Majoriti ibu bapa beralih ke arah tradisional, mereka lebih suka anak perempuan mereka berkahwin dan bukannya dalam bentuk hubungan alternatif seperti bersekedudukan atau hidup berbujang.

Seterusnya, dalam kajian ‘*Chinese Women, Marriage and Gender: exploring the idea of women and marriage over time in the context of China*’ oleh Siyu Chang (2020)

menceritakan bahawa jangkaan keluarga dan pencapaian akademik wanita Cina sering bertentangan. Fenomena golongan muda didorong untuk berkahwin kerap berlaku di kalangan wanita. Namun, semakin banyak wanita muda enggan berkahwin adalah disebabkan usia bukannya cinta. Kajian ini menjelaskan pandangan wanita Cina masa kini mengenai perkahwinan dari pelbagai aspek. Hasil kajian ini menyatakan Konfusianisme yang menjadi fokus latar belakang kajian ini memberikan sumbangan yang besar kepada subordinasi wanita Cina. Ada yang berpendapat bahawa peningkatan status Konfusianisme adalah sebab utama penurunan status sosial wanita (Mak, 2013). Zheng (2013) juga mengatakan Konfisianisme berpendapat bahawa fungsi terbesar wanita adalah untuk meneruskan keluarga. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan ‘*Parental Pressure*’ iaitu tekanan daripada ibu bapa. Walaupun masyarakat feudal China tidak wujud, tetapi sukar untuk menghilangkan cara berfikir lama (Zhao, 2008). Ibu bapa masih mempunyai kawalan yang cukup besar terhadap perkahwinan wanita pada masa kini (Zhao, 2008). Memandangkan konsep perkahwinan tradisional Cina, usia yang sesuai untuk berkahwin biasanya tidak berlewat daripada usia 30, dan lebih baik berkahwin antara usia 22 hingga 27.

Dalam kajian Wanita Bekerja Dan Kahwin Lewat : Satu Kajian Di Kuantan, Pahang (2018) oleh Nurul Ain Hassan dan Suresh Kumar N Vellymalay menumpukan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kahwin lewat dalam kalangan wanita bekerja di Kuantan, Pahang. Hasil kajian ini mendapati bahawa kesukaran yang dihadapi oleh wanita yang bekerja untuk menemui jodoh yang sesuai, hasrat untuk merealisasikan impian keluarga, komitmen kerjaya, sikap kurang yakin terhadap perkahwinan dan pengalaman putus cinta sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada kahwin lewat. Menurut data hasil kajian, sebanyak 43.3% wanita mengatakan bahawa kesukaran untuk menemui jodoh yang sesuai menghalang keinginan untuk berkahwin manakala 40.0% wanita mengatakan bahawa keinginan untuk merealisasikan impian keluarga menyebabkan isu perkahwinan tidak difikirkan. Di samping itu, masalah kesihatan yang dihadapi (3.3%) dan campur tanggung keluarga (3.3%) dilihat sebagai penyumbang terkecil kepada halangan untuk berkahwin. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kelewatan untuk berkahwin dalam kalangan wanita bekerja yang dikaji dalam kajian ini.

Selain itu, kajian Fatimah Abdullah et al. (2010) mendapati tiga faktor utama yang diambil kira dalam merealisasikan satu-satu perkahwinan iaitu pemilihan calon yang sesuai, soal mas kahwin dan hantaran selain kelancaran majlis yang akan berlangsung. Sebarang kekurangan yang timbul dari pada perkara tersebut dilihat mampu melambatkan proses perkahwinan. Masalah ini juga menjadi satu cabaran besar kepada individu yang berada dalam usia berkahwin. Dalam kalangan wanita, peningkatan taraf pendidikan dan kemampuan untuk berdikari akibat kestabilan dari segi kewangan juga menyumbang kepada kahwin lewat (Faudizah Yusof & Rarrah Wanida Mustafa, 2017). Hal ini juga memberi kebebasan kepada wanita untuk merancang dan mengatur kehidupan peribadi mereka (Wang & Abbott, 2013). Tambahan lagi, status pendidikan dan pekerjaan pasangan turut menjadi keutamaan bagi wanita masa kini sebelum mereka memilih pasangan hidup (Gordon, 2003). Oleh itu, selaras ekspektasi tersebut, kesesuaian calon dipertikaikan (Haris Asyraf Hasnan, 2016; Nanik & Wiwin Hendriani, 2016; Norhafzan Jaafar & Saadiah Ismail, 2016). Kos pengurusan perkahwinan juga memberi kesan ke atas golongan ini untuk melangkah ke gerbang perkahwinan (Norhafzan Jaafar & Saadiah Ismail, 2016). Malah, kadar penceraian yang meningkat kebelakangan ini turut menyebabkan wanita mula hilang kepercayaan terhadap perkahwinan (Nanik & Wiwin Hendriani, 2016).

Terdapat beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh wanita yang berkahwin lewat. Kajian Cabaran Bujang Lewat Usia : Stigma Terhadap Wanita

Berkejaya oleh Fauziah dan Farrah (2017) menumpukan kepada stigma yang diterima oleh wanita bujang yang lewat usia. Perkahwinan di dalam masyarakat di Malaysia, dianggap sebagai suatu cita-cita yang perlu dipenuhi terlebih dahulu berbanding perkara-perkara lain apabila seseorang wanita itu sudah dianggap ‘cukup umur’. Dalam masyarakat Malaysia, wanita tidak berkahwin akan dilabelkan sebagai ‘andartu’ atau anak dara tua (Nanik & Wiwin Hendriani, 2016). Kenyataan bahawa mereka juga sudah tua tetapi masih belum berkahwin seringkali menrima kata-kata sinis seperti ‘perempuan tidak laku’ (Ibrahim, 2009). Ema Septiana dan Muhammad Syafiq (2013) pula mendapati wanita bujang ini akan dipandang sebagai kesalahan oleh orang sekeliling akibat ketidakmampuan dirinya untuk menjalankan hubungan sosial. Orang sekeliling akan menganggap bahawa kehidupan wanita bujang ini sebagai satu masalah sosial. Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa pola bentuk dan kesan stigma terhadap wanita lewat usia yang belum berkahwin. Stigma ini akan memberikan kesan kepada individu yang belum menerimanya. Ema Septiana dan Muhammad Syafiq (2013) menyatakan dalam kajian mereka, kesan stigma ini akan membuatkan seseorang wanita itu merasa tertekan. Status mereka sebagai wanita yang belum berkahwin akan membuatkan keluarga dan rakan-rakan mendorong untuk segera mendirikan rumah tangga. Stigma ini juga akan menyebabkan wanita bujang tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang tidak selesa. Hal ini dapat dibuktikan dengan wanita bujang ini memilih untuk tidak menghadiri sesuatu majlis seperti reunion dan perkahwinan. Keadaan ini akan membuatkan wanita akan sering ditanyakan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan mengapa masih lagi belum berkahwin dan mendirikan rumah tangga.

Seterusnya kajian Nurul dan Suresh (2018) mengenai Wanita Bekerja dan Kahwin Lewat : Satu Kajian Di Kuantan, Pahang. Tujuan kajian ini untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada kahwin lewat dalam kalangan wanita bekerja dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini akibat kelewatan berkahwin. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur yang melibatkan tiga puluh orang wanita yang berumur 30 tahun ke atas, berkerja dan belum pernah berkahwin. Hasil kajian ini mendapati bahawa pandangan serong dan penghinaan yang diterima daripada rakan sekerja dan jiran tetangga merupakan cabaran paling besar dihadapi oleh wanita bekerja akibat kahwin lewat. Hasil kajian ini juga menunjukkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh wanita tersebut seperti sering menghadapi soalan ‘Bila nak kahwin’, kesunyian, cemburu dengan kebahagiaan pasangan lain, menghadapi kesulitan hidup sendiri, sering diberi tanggungjawab lebih dan desakan keluarga dan rakan. Cabaran yang dihadapi ini memberi kesan yang tinggi ke atas emosi wanita terbabit.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Azlin dan Pamilia (2020) ialah mengenai ‘*Challenges and Well-being of Single Women Living in Malaysia*’. Pengkaji telah meneliti kehidupan wanita bujang di Malaysia. Matlamat kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman wanita bujang dalam menghadapi cabaran dan faktor-faktor meningkatkan kesejahteraan mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan qualitatif dengan kaedah temu bual secara mendalam yang melibatkan 12 orang wanita bujang berumur 31 hingga 49 yang tidak pernah berkahwin dan tinggal di Malaysia. Wanita bujang biasanya menghadapi stigma dan diskriminasi dalam bentuk tertentu (Carter,2010; DePaulo & Morris,2005; Sharp & Ganong, 2011), dan juga dikenali sebagai *singlism*(DePaulo, 2011 ; Herbert, 2013). Singlisme merujuk kepada stereotaip, stigma, dan diskriminasi terhadap orang yang masih berbujang (Gordan, 2003; Herbert, 2013).

Melalui hasil kajian, pengkaji mendapati lima jenis tema cabaran yang dihadapi oleh wanita yang berbujang. Antaranya adalah (1) sikap penghakiman orang lain terhadap orang yang berbujang; (2) bergelut dalam penerimaan sendiri; (3)menghadapi stereotaip dan dilayan

secara tidak adil; (4) perasaan yang tidak selamat; (5) mengalami emosi negatif. Cabaran yang paling mempengaruhi wanita bujang dalam kajian ini adalah cara orang lain menilai mereka. Sikap adalah penilaian terhadap orang lain atau keadaan tertentu dan terfiri daripada tiga komponen iaitu kognisi, pengaruh, dan tingkah laku. Dalam perkataan kognisi, kebanyakkan peserta mengatakan bahawa orang lain menganggap bujang sebagai tidak normal, tidak bernasib baik, kesepian, jenis pilih, dan bergantung kepada ibu bapa mereka. Ringkasnya, pelbagai jenis cabaran telah mempengaruhi kehidupan wanita yang berbujang. Responden dalam kajian ini telah menghadapi masalah dengan sikap penghakiman orang lain terhadap status bujang mereka. Sesungguhnya, perasaan ini adalah biasa di dalam kalangan wanita bujang seperti yang dijelaskan oleh Rosenberger (2007) dan Situmorang (2007). In Japan (Rosenberger, 2007) dan Indonesia (Situmorang, 2007), tekanan untuk berkahwin sangat kuat, sangat penting dan melambangkan pencapaian seseorang dalam masyarakat. oleh itu, tidak berkahwin dianggap sebagai tanda kekurangan dan dikaitkan dengan ketiadaan pasangan hidup (Himawan, Bambling, & Edirippulige, 2018).

### 3. Metod Kajian

Kajian ini dijalankan di Pulau Pinang. Bilangan wanita bujang di Pulau Pinang adalah kedua tinggi daripada negeri keseluruhan. Berdasarkan statistik perkahwinan Pulau Pinang 2011-2015, jumlah kahwin telah menurun daripada tahun 2011 (9,704) kepada tahun 2015 (9,506). Dalam kajian ini, seramai enam orang wanita Cina yang berumur 30 tahun ka atas, dan belum pernah berkahwin telah dipilih sebagai sampel menggunakan kaedah persampelan bertujuan.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual bagi mendapatkan pelbagai maklumat daripada informan berkaitan isu yang dikaji. Sehubungan dengan itu, panduan temu bual separa berstruktur dibentuk secara tersusun selaras dengan objektif kajian. Panduan temu bual tersebut terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merangkumi soalan berbentuk terbuka berkaitan makna perkahwinan. Bahagian B soalan berbentuk terbuka berkaitan faktor penyumbang kepada keputusan berkahwin atau berbujang manakala Bahagian C pula terdiri daripada soalan berbentuk terbuka berkaitan pengaruh pemikiran tradisi terhadap wanita Cina yang melewatkannya perkahwinan. Setiap temu bual dengan informan kajian mengambil masa lebih kurang 30 minit. Temu bual dilakukan oleh penkaji adalah secara lisan (perbualan) dalam bahasa Mandarin, dan jawapan direkod oleh pengkaji secara bertulis, melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain. Setiap informan yang terlibat dalam kajian ini dimaklumkan bahawa semua maklumat yang dikemukakan dalam temu bual ini adalah sulit dan akan dirahsiakan.

Di samping itu, hasil temu bual yang dijalankan oleh pengkaji di analisis secara mendalam dengan menggunakan bentuk kualitatif berdasarkan tema yang tertentu. Semasa temu bual dijalankan, pengkaji merakam suara informan menggunakan telefon pintar dan menulis nota lapangan. Selepas itu, pengkaji menganalisis nota lapangan yang ditulis dan mendengar segala rakaman yang dirakam sewaktu menemu bual informan serta melakukan transkripsi. Selepas proses transkripsi, pengkaji melakukan analisis ke atas data verbatim tersebut secara bertema.

### 4. Dapatan dan Analisis Kajian

#### 4.1 Profil Informan

Jadual 1 menunjukkan profil enam orang informan daripada kalangan wanita Cina yang melewatkannya perkahwinan di negeri Pulau Pinang. Kesemua informan ini telah ditemubual oleh pengkaji dan diberikan nama samaran untuk melindungi maklumat peribadi serta menjaga kerahsiaan identiti mereka. Berdasarkan hasil dapatan kajian, profil atau latar belakang informan menunjukkan bahawa informan-informan yang di temu bual adalah merupakan golongan wanita Cina yang melebihi umur 30 tahun dan masih mengekalkan status bujang.

**JADUAL 1. Profil Sosiodemografi Informan**

Informan	Nama Samaran	Umur	Pekerjaan	Pendidikan	Agama	Status
1	Ping	37	Pentadbir	SPM	Buddha	Bujang
2	Eunis	37	Kerja Sendiri	SPM	Buddha	Bujang
3	Mei	32	Kerja Sendiri	PMR	Buddha	Bujang
4	Goay Eng	47	Kerani	Tingkatan 2	Buddha	Bujang
5	Siew Ling	36	Kerani	SPM	Buddha	Bujang
6	Wan Ling	31	Penolong Akaun	SPM	Buddha	Bujang

Berdasarkan Jadual 1, terdapat enam informan yang telah ditemu bual oleh pengkaji untuk mendapatkan data kajian. Kesemua informan kajian ini merupakan wanita yang mengekalkan status bujang dan beragama Buddha. Dapatan kajian telah menunjukkan semua informan kajian ini melebihi umur 30 tahun. Berdasarkan data yang diperolehi, seorang informan yang berumur 31, seorang berumur 32, seorang berumur 36, 2 orang berumur 37, dan seorang berumur 47. Jadual di atas juga menunjukkan pekerjaan semua informan kajian. Berdasarkan data yang diperolehi, seorang informan bekerja sebagai pentadbir, dua orang bekerja sendiri, dan tiga orang bekerja sebagai kerani. Dapatan menunjukkan semua informan mempunyai pekerjaan yang stabil dan terdiri daripada pelbagai jenis sosioekonomi samada dalam sektor swasta, mahupun bekerja sendiri. Dari segi tahap pendidikan informan, terdapat seorang informan berpendidikan sehingga tahap Penilaian Menengah Rendah (PMR), seorang informan menghentikan pembelajaran pada tingkatan 2 dan 4 orang informan memiliki sijil di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

## **4.2 Makna Perkahwinan Bagi Wanita Cina yang Melewatkannya Perkahwinan**

### **4.2.1 Makna Perkahwinan**

Berdasarkan hasil temubual mendalam bersama informan, pengkaji dapat menyimpulkan makna perkahwinan daripada perspektif wanita Cina yang melewatkannya perkahwinan. Hasil kajian mendapati terdapat empat pernyataan yang mendukung makna perkahwinan telah diinterpretasikan oleh informan iaitu;

- (i) Mendapat teman hidup;
- (ii) Dua orang menjalankan kehidupan bersama;

- (iii) Tanggungjawab;
- (iv) Meneruskan keturunan keluarga.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti informan mengatakan perkahwinan adalah mendapat teman hidup dan juga adalah dua orang menjalankan kehidupan bersama. Dapatan kajian ini dapat disokong oleh hujah Stinnett (dalam Turnerr & Helms, 1987) bahawa perkahwinan dilakukan oleh seseorang atas dasar *Companionship and sharing*. Dengan berkahwin, seseorang dapat mengatasi kesepiannya dengan berkongsi segala-galanya dengan pasangannya. Selain itu, menurut Judith Wallerstein, salah satu bentuk perkahwinan adalah *companionate* iaitu teman hidup. Beliau menyatakan bentuk ini adalah bentuk perkahwinan yang paling biasa dalam kalangan pasangan muda. Hal ini juga menggambarkan perubahan sosial dalam dua dekad terakhir. Inti utamanya adalah sistem nilai persahabatan, persamaan dan penggerakan wanita, dengan akibatnya bahawa peranan lelaki juga perlu diubah. Faktor utama dalam bentuk perkahwinan ini adalah usaha untuk mengimbangkan pelaburan emosi pasangan di tempat kerja dan pelaburan emosi mereka dalam hubungan dan anak-anak. Berikut adalah beberapa penyataan wanita Cina yang melewatkhan perkahwinan:

“saya rasa... apa itu perkahwinan, perkahwinan adalah mendapat teman hidup, macam tu.” (Goay Eng, 47 Tahun)

“erm... perkahwinan, adalah dua orang hidup bersama dan membina sebuah keluarga lo, dan saling menemani.” (Siew Ling, 36 Tahun)

“apa itu perkahwinan aah...perkahwinan adalah dua orang hidup bersama dan saling menemani.” (Wan Ling, 30 Tahun)

“erm...perkahwinan juga boleh dikatakan untuk dapat teman lo...sebab jika kita ada peneman contohnya ada apa-apa hal ada orang yang boleh jaga kita, kerana ahli keluarga, adik-beradik mereka juga ada keluarga mereka, ibu bapa juga akan tua, mereka pun tidak boleh menemani kita seumur hidup.” (Eunis, 37 Tahun)

Perkahwinan juga merupakan satu tanggungjawab seperti mana yang dinyatakan oleh informan Eunis. Hal ini dapat dibincangkan dalam konteks peranan wanita dalam perkahwinan. Berdasarkan kajian *Chinese Women, Marriage and Gender: Exploring the idea of women and marriage over time in the context of China* oleh Siyu Chang (2020) telah menyatakan tanggungjawab seseorang wanita akan meningkat setelah dia menjadi seorang isteri. Menurut informan Eunis:

“erm... sebenarnya perkahwinan hanya satu tanggungjawab sahaja, sebab jika dua orang hidup bersama tidak mempunyai perkahwinan pun takpe.” (Eunis, 37 Tahun)

Seterusnya, informan Mei yang mengatakan makna perkahwinan adalah untuk meneryskan keturunan keluarga dapat diteliti dengan melihat pemikiran tradisional Cina dalam perkahwinan. Berdasarkan kajian Adat Perkahwinan Masyarakat Cina oleh Yahaya, Azizi (2012), perkahwinan dalam masyarakat Cina adalah penting untuk mengekalkan institusi keluarga dan melaluinya keturunan nenek moyang dapat diteruskan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Menurut informan Mei:

“apa itu perkahwinan aah... erm... meneruskan keturunan keluarga, hahaha... bukan keh, jika orang kahwin bukan untuk meneruskan keturunan keluarga then disebabkan apa?” (Mei, 32 Tahun)

#### 4.2.2 Kepentingan Perkahwinan Terhadap Wanita

Berdasarkan hasil temubual dengan informan kajian, majoriti daripada informan berpendapat bahawa perkahwinan bagi seseorang wanita adalah tidak begitu penting. Menurut beberapa wanita Cina yang melewatkan perkahwinan:

“ada sesetengah orang mungkin rasa perlu ada perkahwinan barulah kehidupannya kira sempurna. Tetapi bagi saya, separuh penting lo...nak cakap penting sangat, saya tidak rasa... nak cakap tidak penting pun bukan. Dulu *maybe* rasanya penting laa, tetapi bagi masa sekarang saya sudah tak kisah, ikut jodoh laa...jika bertemu dengan calon yang sesuai then ok lo, takde pun takpe la.”  
(Ping, 37 Tahun)

“perkahwinan ah...separuh separuh la. Macam contohnya bila kamu sudah tua, mungkin ada orang boleh teman kamu, macam ketika kamu sakit ke apa, ada orang boleh jaga lo. Tetapi jika tidak bertemu calon yang sesuai, dan sudah lepas umur yang ingin berkahwin, mungkin sudah tidak tergesa-gesa untuk cari. Bagi saya, perkahwinan boleh ada atau tidak lo... tidak begitu penting.” (Siew Ling, 36 Tahun)

“tidak penting... hahahah. Bagi saya, sebenarnya seorang wanita ada atau tidak mempunyai perkahwinan pun macam ni saja...adalah sama.” (Eunis, 37 Tahun)

Selain itu, terdapat juga wanita Cina yang melewatkan perkahwinan mengatakan perkahwinan adalah penting terhadap wanita. Menurut sorang wanita Cina yang melewatkan perkahwinan:

“saya rasa perkahwinan bagi setiap wanita sebenarnya adalah penting, tetapi bukan setiap wanita perlu kahwin. Aiya...wanita pada zaman sekarang tidak kahwin pun tak apa kerana wanita zaman sekarang ada kemampuan untuk menyara diri. Kamu perlu mempunyai calon yang sesuai barulah boleh berkahwin, tak boleh berkahwin secara santai-santai laa.” (Mei, 32 Tahun)

#### 4.2.3 Keperluan Perkahwinan Terhadap Wanita

Dapatan kajian menunjukkan majoriti daripada informan kajian mengatakan bahawa wanita tidak semestinya perlu berkahwin jika tidak bertemu dengan pasangan hidup yang sesuai. Menurut beberapa wanita Cina yang melewatkan perkahwinan:

“tidak semestinya perlu jika tak dapat berkahwin. Sebab takkan kamu berkahwin hanya disebabkan untuk berkahwin arhh, tidak boleh berkahwin hanya disebabkan sudah sampai usia yang sesuai kahwin dan penatua itu cakap kamu sudah sampai usia tiga lebih dan kamu perlu berkahwin, lepas tu *simply* cari satu orang untuk berkahwin.”  
(Mei, 32 Tahun)

“tidak semestinya perlu. Sebenarnya saya rasa perkahwinan mesti cara pasangan yang sesuai dan boleh hidup lama bersama dan tidak akan selalu bergaduh disebabkan perkahwinan, mengadakan majlis perkahwinan, berapa belanjaannya dan bergaduh disebabkan perkara-perkara ni, jika macam ni, saya rasa tak perlu kahwin lo.” (Wan Ling, 30 Tahun)

Seterusnya, terdapat juga informan kajian yang mengatakan wanita perlu berkahwin. Menurut seorang wanita Cina yang melewatkhan perkahwinan:

“jika bertemu dengan orang yang betul, saya mesti akan berkahwin. saya perlu depends on pihak pasangan itu. Sebab sebenarnya jika nak kahwin, pasangan anda sangat penting. Jika dua orang memang rasa nak hidup bersama, saya rasa perlu berkahwin. Saya masih rasa perlu kahwin la kerana ada orang boleh teman saya.” (Ping, 37 Tahun)

#### 4.3 *Perbincangan*

Kajian ini bertujuan untuk memahami makna perkahwinan dalam kalangan wanita Cina yang melewatkhan perkahwinan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa makna perkahwinan dalam pemikiran kalangan wanita Cina yang melewatkhan perkahwinan telah berubah. Jika dilihat dalam masyarakat kuno Cina, perkahwinan adalah untuk mengekalkan institusi keluarga dan meneruskan keturunan nenek moyang daripada satu generasi kepada generasi yang lain (Yahaya, Azizi, 2012). Perkahwinan juga diaktakan sebagai kontrak antara dua buah keluarga. Oleh itu, pemilihan pasangan perkahwinan dianggap sebagai isu keluarga dan bukannya peribadi. Akan tetapi, majoriti informan kajian ini berpendapat bahawa makna perkahwinan adalah untuk mencari teman hidup dan merupakan kehidupan bersama antara dua orang sahaja. Melalui makna perkahwinan yang diinterpretasikan oleh informan-informan kajian, pengkaji dapat melihat berlakunya perubahan sosial dalam kalangan wanita Cina.

Menurut Prof Selo Soemardjan, perubahan sosial adalah perubahan-perubahan yang terjadi pada lembaga-lembaga kemasyarakatan di dalam suatu masyarakat yang mempengaruhi sistem sosialnya, termasuk di dalamnya nilai-nilai, sikap-sikap dan pola-pola perilakuannya di antara kelompok dalam masyarakat. Selain itu, Kingsley Davis memberikan definisi perubahan sosial adalah sebagai perubahan yang terjadi pada struktur dan fungsi masyarakat. Bagi kebanyakkhan informan, perkahwinan telah menjadi sesuatu perkara yang tidak begitu penting dan tidak semestinya perlu berkahwin. Akan tetapi, perkahwinan dalam masyarakat Cina adalah perkara yang penting dan perlu dijalankan terutamanya bagi seorang wanita. Nilai yang diterima dalam masyarakat Cina ialah apabila seseorang mencapai usia yang tertentu dan memenuhi syarat-syarat tertentu, maka orang itu harus berkahwin (Qiao, 2014). Oleh itu, nilai masyarakat Cina tentang perkahwinan telah berubah iaitu wanita Cina sekarang berasa mereka tidak semestinya perlu berkahwin walaupun telah mencapai usia yang tertentu. Fungsi perkahwinan juga berubah daripada untuk meneruskan keturunan nenek moyang menjadi perkahwinan sebagai mendapat teman hidup sahaja.

Dengan ini, pengkaji dapat melihat dengan jelas berlakunya perubahan sosial dalam perkahwinan masyarakat Cina. Makna perkahwinan secara tradisinya adalah lebih bersifat kolektivisme iaitu memberi tumpuan kepada matlamat kumpulan, dan fokus kepada apa yang terbaik untuk kumpulan kolektif dan hubungan peribadi. Contohnya, dalam masyarakat kuno Cina makna perkahwinan adalah untuk mengekalkan institusi keluarga, manakala dalam

masyarakat moden sekarang, perkahwinan telah menjadi lebih bersifat individualisme yang menekankan kepada matlamat individu dan hak-hak individu. Makna perkahwinan telah berubah kepada hanya untuk mendapatkan teman hidup dan juga merupakan kehidupan bersama antara dua orang dan bukan untuk masyarakat. Secara ringkasnya, perubahan sosial yang berlaku dalam budaya Cina tentang perkahwinan telah menyebabkan pemikiran wanita Cina sekarang berasa perkahwinan adalah pemilihan sendiri serta untuk memenuhi keperluan sendiri dan bukannya untuk keluarganya ataupun seluruh masyarakat.

## 5. Kesimpulan

Dalam masyarakat Cina, perkahwinan merupakan satu tuntutan hidup dan mempunyai kesignifikan yang tinggi dalam kehidupan manusia. Perkahwinan bukan sahaja berperanan sebagai penyambung keturunan tetapi juga membekalkan pelbagai kelebihan kepada pembangunan keluarga (Nurul Ain Hassan, 2018). Walau bagaimanapun, perubahan sosial telah melahirkan makna perkahwinan yang baharu dalam kalangan wanita Cina di Malaysia. Kajian ini menunjukkan terdapat beberapa makna perkahwinan yang diinterpretasikan oleh informan-informan kajian ini antaranya ialah mendapat teman hidup; kehidupan bersama antara dua orang; tanggungjawab; dan meneruskan keturunan keluarga. Dapatan utama kajian menunjukkan makna perkahwinan bagi kebanyakan wanita Cinayang melewatkannya perkahwinan adalah untuk mendapat teman hidup. Dengan ini, dapat dilihat perubahan yang berlaku dalam kalangan wanita Cina tentang makna perkahwinan semakin bersifat individualistik. Nilai tradisional masyarakat Cina yang menekankan kepentingan dan keperluan perkahwinan juga berubah iaitu wanita Cina sekarang berasa mereka tidak semestinya perlu berkahwin walaupun mencapai usia yang tertentu.

## Rujukan

- Ashley Crossman. (2020). Definisi Perkahwinan dalam Sosiologi. <https://ms.eferrit.com/definisi-perkahwinan-dalam-sosiologi/>. [1 November 2020].
- Fatin Hafizah Mohd Shahar. (2018). Kahwin lewat beri impak negatif kepada institusi keluarga. Berita harian online. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2018/07/452640/kahwin-lewat-beri-impak-negatif-institusi-keluarga> [5 November 2020].
- Faudziah Yusof & Rarrah Wahida Mustafar. (2017). Cabaran Bujang Lewat Usia: Stigma Terhadap Wanita Berkerjaya. [https://www.researchgate.net/publication/329554567\\_CABARAN\\_BUJANG\\_LEWAT\\_USIA\\_STIGMA\\_TERHADAP\\_WANITA\\_BERKERJAYA](https://www.researchgate.net/publication/329554567_CABARAN_BUJANG_LEWAT_USIA_STIGMA_TERHADAP_WANITA_BERKERJAYA). [5 November 2020].
- JKKN. (2020). Masyarakat Cina. Laman Web Rasmi Jabatan Kebudayan Dan Kesenian Negara. <http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-cina-0>. [1 November 2020].
- Melike Kocyigit Ozyigit. (2017). *The Meaning Of Marriage According To University Student: A Phenomenological Study*. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1147527.pdf>. [5 November 2020].
- Norain Asnida binti ‘Ain & Prof Madya Dr. Wan Azlinda binti Wan Mohamed. (2017). Kemahiran Abad ke-21 Wanita Dalam Mengharungi Cabaran Globalisasi.

- <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/otp/article/view/4762> [5 Novemver 2020].
- Nurul Ain Hassan & Suresh Kumar N Vellymalay. (2018). Wanita Bekerja Dan Kahwin Lewat : Satu Kajian Di Kuantan, Pahang. <http://103.219.237.47/ebangi/article/view/29287>. [5 November 2020].
- Sandy To. (2013). *Understanding Sheng Nu (“Leftover Women”): the Phenomenon of Late Marriage Among Chinese Professional Women.* [https://www.researchgate.net/publication/278403015\\_Understanding\\_Sheng\\_Nu\\_Left\\_over\\_Women\\_the\\_Phenomenon\\_of\\_Late\\_Marriage\\_among\\_Chinese\\_Professional\\_Women](https://www.researchgate.net/publication/278403015_Understanding_Sheng_Nu_Left_over_Women_the_Phenomenon_of_Late_Marriage_among_Chinese_Professional_Women). [5 November 2020].
- Siyu Chang. (2020). *Chinese Women, Marriage and Gender: Exploring The Idea Of Women And Marriage Over Time In The Context Of China.* <https://scholar.uwindsor.ca/cgi/viewcontent.cgi?article=1132&context=major-papers> [5 November 2020].
- Azlin Hj Alwi, Pamilia Lourdunathan. (2020). *Challenges and Well-being of Single Women Living in Malaysia.* <https://so06.tci-thaijo.org/index.php/IJBS/article/view/165604>. [5 November 2020].